



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**27 JUN 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **190 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **68,767 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 151 menjadikan jumlah kumulatif 66,681 orang. Seramai 1,407 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 431 orang di hospital, 965 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala sembilan (9) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 67 orang dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan pada hari ini

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

5 Analisa Kes COVID-19 di Sabah

- Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan satu (1) kes iaitu daripada 189 kes semalam (26 Jun 2021) kepada 190 kes (27 Jun 2021).

- ii Daripada 190 kes jangkitan baharu hari ini, 75 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 57 kes adalah daripada saringan kluster, 27 kes adalah daripada saringan bergejala, 21 kes daripada saringan bersasar dan 10 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 12 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan 11 daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala satu (1) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Keningau 11 kes (+10). Daerah Papar kekal catatan kes baharu sebagaimana hari semalam iaitu dengan satu (1) kes.
- iv Walau bagaimanapun, sembilan (9) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala dua (2) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kudat (-22) dan Kota Marudu (-13).
- v Pada hari ini, sembilan (9) daerah mencatatkan sifar (0) kes Beluran, Telupid, Kinabatangan, Semporna, Pitas, Ranau, Sipitang, Tenom dan Tambunan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah tujuh (7) daerah mencatatkan kes pada julat dua (2) angka manakala daerah lain hanya pada julat satu (1) angka, (12) daerah mencatatkan kenaikan kes, sembilan (9) daerah mencatatkan penurunan kes, enam (6) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam lima (5) daerah adalah sifar (0) kes, sembilan (9) daerah mencatatkan sifar (0) kes, dua (2) daerah (Beluran dan Tenom) sebagai Zon Hijau, dan tiga (3) kluster baru iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu (16 kes), Kluster Bata Durok sembilan (9) kes dan Kluster Linau Kumpang (13 kes), dengan kumulatif saringan kluster sebanyak (57) kes dimana (38) kes adalah dari kluster baru dan (19) kes adalah dari kluster sedia ada.
- vii Setakat ini, Zon Hijau kekal kepada dua (2) daerah namun, dengan jumlah catatan sebanyak (75) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat tiga (3) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Kuarters Bata Durok - Keningau** melibatkan penularan kes COVID-19 dalam komuniti di Mukim Lingku dau, Luagan dan Patikang di Daerah Keningau. Kluster ini mula direkodkan oleh Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau melalui saringan pra-kemasukan wad terhadap kes indeks, lelaki, warganegara, 69, dari Taman Keningau Ville di Hospital Keningau pada 23 Jun 2021. Siasatan kontak rapat kemudian mendapati 11 lagi kes positif RTK-Ag masing-masing dua (2) kes pada 24 Jun 2021 dan sembilan (9) kes pada 26 Jun 2021 menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak 12 kes. Berdasarkan siasatan awal, aktiviti sosial iaitu penjualan nombor ekor haram dipercayai menjadi punca jangkitan merebak kepada ahli keluarga seterusnya komuniti.
- ii **Kluster Linau Kumpang - Kota Belud** pada hari ini mencatat 13 kes baharu, menjadikan jumlah terkini kes positif COVID-19 sebanyak 30 kes. Kes indeks merupakan wanita, warganegara, 40, yang mempunyai gejala demam, selesema dan hilang deria bau sejak 11 Jun 2021, sebelum disahkan positif pada 13 Jun 2021 di Hospital Kota Belud. Susulan kes itu, pengesanan secara aktif dan saringan terhadap 55 kontak menemukan 29 lagi kes positif dalam kalangan ahli keluarga, kontak rapat dan kontak kasual, sementara satu (1) individu masih menunggu keputusan saringan pertama. Semua kes positif terbabit telah dirujuk untuk rawatan lanjut dan pengasingan di Hospital Queen Elizabeth dan PKRC Kota Belud. Berdasarkan siasatan awal, kes indeks yang berasal dari Kg Ejuk berkemungkinan mendapat jangkitan daripada komuniti ketika menziarahi keluarganya, di Kg Linau Kumpang pada 10 Jun 2021.

iii **Kluster Tembok Kota Kinabalu - Kota Kinabalu, Papar, Penampang** berlaku dalam kategori golongan berisiko di Penjara Pusat Kepayan, Kota Kinabalu. Kes indeks ialah banduan lelaki, warganegara Indonesia, 24, yang disahkan positif pada 17 Jun 2021 hasil saringan orang kena tahan (OKT) di penjara pusat tersebut. Berbanding 419 sampel yang telah diambil, 31 kes termasuk 13 kes baharu pada hari ini didaftarkan di Kota Kinabalu, manakala 255 sampel didapati negatif serta 133 sampel masih menunggu keputusan. Sampel ulangan akan dijalankan terhadap kontak yang dikesan negatif. Turut dikesan positif, dua (2) kes yang didaftarkan di daerah Penampang dan satu (1) kes di daerah Papar hasil saringan kontak rapat sekaligus menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak 34 kes.

7 Jumlah kapasiti katil 4,192 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 33.52%.

## **B PEMATUHAN SOP PEKERJA-PEKERJA KILANG**

1 Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19), mendapati sejak kebelakangan ini banyak berlaku penyebaran COVID-19 yang berpunca dari kilang-kilang. Jawatankuasa berpandangan perkara ini perlu dibendung dengan pematuhan SOP sepenuhnya.

2 Sehubungan itu, semua pengurus kilang diminta untuk memastikan SOP ini dipatuhi dan mencadangkan agar ruang atau tempat rehat/makan (*pantry*) tidak menjadi tempat pertemuan atau perkumpulan pekerja. Agensi-agensi penguatkuasa diminta untuk memperhebatkan lagi pemantauan ke atas pematuhan SOP di sektor perkilangan dan mengenakan kompaun kepada yang tidak mematuhi SOP.

## **C PERLUASAN PKPD PENJARA KEPAYAN KOTA KINABALU**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19) telah memutuskan PKPD diperluaskan di Penjara Keapayan Kota Kinabalu merangkumi kuarters Penjara di Kg Matambai Penampang kerana berlaku penularan kes berkuat kuasa 28 Jun 2021 hingga 11 Julai 2021.

## **D PKPD DUA (2) LOKALITI DI KOTA BELUD**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kota Belud, melibatkan:

- Kampung Nahaba Tegudon
- Kampung Linau

2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut di mana 9 kes positif telah direkodkan hasil dari 48 ujian saringan yang dijalankan di Kampung Nahaba Tegudon dan 11 kes positif direkodkan dari 15 ujian saringan yang dilaksanakan di Kampung Linau.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Nahaba Tegudon dan Kampung Linau, Kota Belud berkuat kuasa 29 Jun sehingga 12 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini bagi memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes-kes positif dan kontak rapat supaya dapat diasingkan serta menyekat pergerakan dan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

## **E PELANJUTAN PKPD KAMPUNG PENIMBAWAN, TUARAN**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Penimbawan, Tuaran yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,693 ujian saringan dan 53 daripadanya disahkan positif COVID-19.

- 3 Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) di Kampung Penimbawan, Tuaran berkuat kuasa 29 Jun sehingga 12 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

#### **F PENAMATAN PKPD KAMPUNG LEBAK MOYOH, KOTA BELUD**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 129 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapati terdapat *trend* penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

#### **G PENAMATAN PKPD BATU 3.5 JALAN APAS (KIRI), TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 69 ujian saringan dan 11 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapati terdapat *trend* penurunan kes dan kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Batu 3.5 Jalan Apas (Kiri), Tawau pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## H PENAMATAN PKPD KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Kapor, Kudat yang dijadualkan tamat pada 28 Jun 2021.

2 Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,152 ujian saringan dan 171 daripadanya disahkan positif COVID-19.

3 KKM mendapati terdapat *trend* penurunan kes dan kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Tanjung Kapor, Kudat pada 28 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **63,042** orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **54,613** orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **6,129** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **309,653** orang.

4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **8,960** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **107,284** orang.



- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 7,502 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 868,575 (mysejahtera 794,144 : laman web 74,154 : talian vaksinasi 277) bersamaan 30.3%.

## **J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **177,719** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 147 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 70,795 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 526 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 52 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Tujuh (7) orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
  - 12 orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Satu (1) orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 20 orang : Tidak Mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan
  - Satu (1) orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan QR Kod/Buku Pendaftaran/*Hand Sanitiser*
  - Satu (1) orang : Majikan gagal Memastikan Kapasiti Kehadiran Pekerja
  - Empat (4) orang : Pergerakan Keluar Masuk Kawasan PKPD
  - Enam (6) orang : Tidak Mematuhi Arahan Penjarakan Sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 94 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,503 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Satu (1) kompaun dikeluarkan atas tidak memakai pelitup muka di tempat awam. Kompaun dikeluarkan di daerah Tuaran.
  - iii Sebanyak lima (5) notis peringatan dikeluarkan iaitu masing-masing satu (1) di daerah Sipitang dan Kinabatangan dan tiga (3) di daerah Pitas.
  - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 95 premis perniagaan dan 104 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 285 Premis Perniagaan melibatkan 169 anggota APM. Sebanyak 44 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 98 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 12 premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 171 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 309 hebahan di seluruh Sabah.

**L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **94.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Keningau	95.5%
2	Sipitang	95.5%
3	Semporna	95%
4	Kota Kinabalu	95%
5	Kunak	95%
6	Beluran	95%
7	Kota Marudu	95%
8	Tenom	95%
9	Kudat	95%
10	Ranau	95%
11	Kota Belud	95%
12	Sandakan	95%
13	Tuaran	95%
14	Beaufort	95%
15	Penampang	94.5%
16	Lahad Datu	94.5%
17	Papar	94.5%
18	Kinabatangan	94.5%
19	Tawau	94%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**